

# RM11.5 juta baik pulih sekolah terjejas banjir

Um - 8/1/2007

**KOTA TINGGI** 7 Jan. - Kementerian Pelajaran memperuntukkan RM11.5 juta bagi membaik pulih semua sekolah di Johor yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, RM5.8 juta akan digunakan untuk membaik pulih infrastruktur sekolah, RM1.5 juta bagi memulihkan kelengkapan komunikasi teknologi maklumat (ICT) dan RM4.2 juta lagi bagi menggantikan buku teks yang musnah.

"Anggaran ini kita terima daripada Jabatan Pelajaran Johor dan peruntukan akan diluluskan dengan segera memandangkan banjir sudah surut dan banyak pusat pemindahan di sekolah juga sudah ditutup," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan barangan persekolahan serta buku teks kepada 135 murid mangsa banjir di Kampung Tembloh di sini hari ini.

Beliau berkata, kementerian berkenaan akan meminta kelulusan Kabinet untuk memberi keutamaan kepada peruntukan tersebut supaya ia dapat disalurkan segera.

Sementara itu, beliau berkata, sehingga semalam sejumlah 34 sekolah di Johor masih ditutup, dengan 27 daripadanya masih digunakan sebagai pusat pemindahan sementara, lima sekolah rosak teruk akibat banjir manakala dua sekolah, masing-masing satu di Mersing dan Kluang, masih terputus hubungan.

"Bagaimanapun, saya lega kerana kebanyakan murid dan pelajar sudah mula kembali bersekolah selepas banjir mulai pulih. Pada hari pertama persekolahan, sejumlah 11,000 murid tidak ke sekolah tetapi jumlah itu sudah berkurangan dan sehingga semalam, 606 murid dan 70 guru masih tidak ke sekolah kerana berada di pusat pemindahan," katanya.

Mengulas mengenai banjir di Sabah dan Sarawak, beliau berkata, 19 sekolah di Sabah dan tiga di Sarawak ditutup kerana ditenggelami air.

Hishammuddin berkata, 17 sekolah yang ditutup di Sabah ialah di Beaufort manakala dua lagi di Kota Marudu dan kementerian berkenaan sedang memantau perkembangan itu bagi memastikan bantuan dapat dihulurkan segera.

- Bernama